

# Teguran PM dapat liputan besar

27 DEC 1991

Daripada Haji Nashruladin  
Abdul Rahman

TOKYO, Khamis — Teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ~~Mohamad~~, mengenai pendekatan dan tindakan negara Barat terhadap negara membangun berhubung soal hak asasi manusia mendapat perhatian akhbar utama di sini.

Akhbar *The Japan Times* menyiarkan di muka depan teguran itu yang dibangkitkannya ketika menemui Perdana Menteri Jepun, Encik Kiichi Miyazama, di sini Isnin lalu.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa apa juga bentuk sekatan terhadap negara membangun yang dianggap oleh Barat sebagai tidak mementingkan soal itu dan tidak menggalakkan demokrasi, akan hanya menjejaskan kepentingan rakyat negara terbabit.

Beliau kesal kerana negara Barat menganggap mereka boleh campurtangan dalam urusan negara membangun jika berlaku apa yang dianggap penyalahgunaan hak asasi manusia.

Datuk Seri Dr Mahathir membangkitkan perkara itu selepas Encik Miyazama menyentuh perkembangan di Myanmar di

mana pemerintah tenteranya dikritik kerana tidak menunaikan janjinya untuk menyerahkan kuasa pemerintahan neara itu kepada kerajaan &am.

Dalam hubungan itu, Perdana Menteri berpendapat apa juga tindakan terhadap sebarang negara, perlu dilakukan melalui badan-badan antarabangsa dan bukannya oleh sesebuah negara tertentu sahaja.

Sementara itu, akhbar *Mainichi Daily News* pula menyiarkan keluaran khas lima muka mengenai Malaysia sempena pelancaran Kompleks Baru Kedutaan negara di Tokyo.

Antara lain, keluaran khas itu menyentuh mengenai pembangunan Labuan sebanai Pusat Kewangan Pesisiran Luar Pantai Antarabangsa. Laporan terperinci itu menjelaskan fungsi Lembaga Pembangunan Labuan yang dipengerusikan oleh bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, dan kemudahan lain yang disediakan di pulau itu.

Ia juga menyentuh mengenai pembangunan pasaran sekuriti korporat di Malaysia dan sejarah penubuhan Bursa Saham Kuala Lumpur pada 1973.